



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYELARASAN KAWAL SELIA KENDERAAN *DE-CONTROLLED* DAN PENGUNAAN KENDERAAN *PICK-UP*

PUTRAJAYA – Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) sedang melaksanakan penyelarasan dasar berkaitan **kenderaan barangan kategori *de-controlled*** serta **penggunaan kenderaan *pick-up* persendirian** bagi memperkemas kawal selia dan memperjelas pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan.

Pengecualian Kenderaan *De-Controlled*

MOT / JPJ bersetuju untuk mewujudkan **Kaedah (Pengecualian) di bawah Seksyen 51(5) dan Seksyen 251(1), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010** [Akta

715] bagi mengecualikan kenderaan *de-controlled* daripada kewajiban memiliki permit pengendali APAD.

Langkah ini bertujuan menjadikan pengecualian tersebut **sah dari segi perundangan**, sekali gus menggantikan pendekatan arahan pentadbiran yang diamalkan sebelum ini serta memastikan **kawal selia yang lebih jelas dan teratur**.

Di bawah ketetapan sedia ada, kenderaan *de-controlled* merujuk kepada **kenderaan barangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) di bawah 7,500 kilogram** yang digunakan untuk **membawa barangan milik sendiri** bagi tujuan perniagaan sendiri, dan bukan untuk aktiviti sewa atau upah.

Dalam masa yang sama, JPJ turut menyelaraskan **kebenaran khas** kepada pemegang **Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas D** bagi memandu kenderaan *de-controlled* dengan **Berat Tanpa Muatan (BTM) sehingga 4,000 kilogram**, yang akan dimasukkan secara rasmi dalam garis panduan berkaitan.

Kawal Selia Penggunaan Kenderaan *Pick-Up*

Bagi kenderaan *pick-up* yang **didaftarkan sebagai persendirian**, pemilik dibenarkan membawa barangan milik sendiri dengan syarat **mematuhi had muatan** serta **tidak membawa barangan yang boleh mendatangkan bahaya** kepada pengguna jalan raya.

MOT / JPJ juga akan membangunkan **Garis Panduan** khusus penggunaan kenderaan *pick-up* bagi memperjelaskan **tatacara pengangkutan barangan, pematuhan had muatan** serta **larangan penggunaan kenderaan persendirian** bagi aktiviti sewa atau upah.

Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah **Seksyen 23(2), Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]** sekiranya kenderaan *pick-up* persendirian didapati digunakan bagi **aktiviti sewa atau upah** yang merupakan kesalahan **salah guna Lesen Kenderaan Motor (LKM)**.

Prosedur Operasi Standard (SOP) penguatkuasaan juga akan ditambahbaik oleh MOT / JPJ bagi memastikan setiap tindakan di lapangan dilaksanakan secara **berasaskan bukti, telus dan konsisten**, termasuk **penyelarasan pelaksanaan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM)**.

Langkah ini diambil bagi memastikan pelaksanaan **kawal selia dan penguatkuasaan yang lebih jelas**, sekali gus **menjaga keselamatan pengguna jalan raya** serta kepentingan semua pihak yang terlibat.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

16 MAC 2026

-TAMAT-